



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29//7/2011

Biometrik dan Selangor milikku

CADANGAN penggunaan biometrik dalam proses penguasaan undi pada pilihan raya akan datang telah mencetuskan perdebatan hangat terutama di pihak pembangkang yang awal-awal lagi sudah menolaknya dan tetap mahu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menggunakan dakwat kekal.

Che Wan dalam MyKMU.net (www.mykmu.net) berkata, pembangkang jelas bersifat sembrono dengan menolak cadangan sistem baru itu tanpa cuba memahami apa yang dimaksudkan sistem biometrik tersebut.

Katanya, mereka tidak sepatutnya menolak penggunaan sistem canggih ini kerana ia telah banyak diaplikasikan oleh jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta.

"Sebab itulah pemimpin-pemimpin pakatan khususnya Pas dilabelkan sebagai jahil dan bodoh sombong. Mereka bukan saja tak faham mengenai teknologi baru semasa tetapi mereka juga malas untuk belajar mengenai perubahan dunia.

"Sikap menolak pembaharuan oleh pemimpin pembangkang juga menunjukkan mereka sebenarnya tidak ikhlas dalam mencari jalan penyelesaian ke arah penambahbaikan sistem pilihan raya negara. Mereka sebenarnya hanya mahu mencari isu untuk memburukkan kerajaan sahaja," katanya.

Abd. Bashid Harun (gurubashid.com) pula berkata, penolakan penggunaan sistem biometrik oleh pembangkang tidak seharusnya dijadikan ukuran untuk SPR melaksanakannya atau sebaliknya.

Sebaliknya, kata beliau, SPR juga perlu

mengambil kira pandangan parti-parti politik lain termasuk Barisan Nasional (BN) kerana mereka juga mempunyai hak untuk bersuara dan memberikan cadangan kepada SPR untuk menambah baik sistem pilihan raya di negara ini.

"Pembangkang bukanlah mewakili suara pengundi sepenuhnya, mereka hanya merupakan kumpulan minoriti. Masih ada kumpulan majoriti yang perlu ditanya keputusan mengenainya termasuk parti komponen yang memerintah pusat dan memenangi lebih banyak negeri.

"Walaupun pembangkang yang terlebih bising dalam hal ini, (tetapi) itu bukan bererti BN tidak berhak untuk diminta pendapat dan pandangan mereka," kata beliau.

Katanya, jika Pas menggunakan alasan bahawa tidak semua orang tahu mengenai biometrik, maka itulah sebabnya ia perlu digunakan kerana semakin ramai yang tahu tentang biometrik, maka ia semakin terdedah untuk sebarang penipuan.

Bagi blog Belantan (belantan.blogspot.com), pembangkang akan terus menolak apa juga sistem yang dicadangkan dalam pilihan raya termasuk biometrik dan dakwat kekal selagi ia tidak menjamin kemenangan mereka.

"Pembangkang hanya akan mengatakan sistem yang digunakan itu bersih jika mereka memenangi semua kerusi pada pilihan raya umum.

"Jika kerajaan sebut guna sistem ini, mereka hendak sistem yang lain pula. Ia tidak ada kesudahan kerana ia sebenarnya per-

tarungan perang psikologi (apa) yang mereka hendak cuma kemenangan mereka sahaja.

"Dari sudut politik, ia ibarat permainan catur, dari satu gerakan ke satu gerakan sehinggalah 'check mate'. Itu yang mereka mahukan sebenarnya," katanya.

Mengulas tentang slogan terbaru kerajaan Selangor, "Selangorku" blog Selangor Daily (www.selangordaily.com) berkata, ia adalah usaha untuk menambat hati rakyat negeri itu yang telah lama terluka akibat skandal dan penyelewengan serta salah tadbir hasil kekayaan dan aset negeri.

Katanya, strategi itu digandingkan dengan satu lagi strategi iaitu mengelak sebarang kontroversi terbaru di Selangor dengan menyembunyikan ketidaksepakatan hati mereka agar dapat meredakan kemarahan rakyat menjelang pilihan raya akan datang.

"Slogan-slogan yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri sebelum ini dilihat gagal secara total dalam misinya, gara-gara kedurjanaan pemerintahannya sendiri. Prinsip mereka berubah-ubah sehinggakan rakyat mudah ditipu. Begitulah juga sikap mereka dalam mentadbir negeri sehinggakan konsistensi keupayaan mereka sangat mendukacitakan.

"Tiada sebarang pendirian bersama yang menguntungkan rakyat disebabkan rapuhnya hubungan pakatan sehingga menyaksikan kenyataan-kenyataan yang bercanggah dari tiga parti yang memerintah, walaupun akhirnya pendirian itu kebanyakannya menguntungkan DAP," katanya.

Katanya, hari ini Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim selaku Menteri Besar terus membohongi rakyat dengan slogan terbaru "Selangorku" yang merupakan slogan palsu.

"Ia sebenarnya adalah pelengkap kepada slogan-slogan mereka yang terdahulu dan lebih baik dikenali sebagai Selangor Milikku," katanya.

Blog RBF Online (ruangbicarafaaisal.blogspot.com) pula mendakwa majlis penerangan dan pelancaran logo negeri Selangor itu telah disalahgunakan sebagai majlis parti politik.

Katanya, kehadiran Presiden Pas dan Presiden PKR sebagai tetamu kehormat dan diberi peluang memberikan ucapan jelas membuktikan majlis rasmi kerajaan negeri disalahgunakan untuk dijadikan majlis parti politik.

"Siapa (Datuk Seri) Hadi (Awang) di Selangor? MB, Exco, ADUN atau Ahli Majlis? Siapa (Datuk Seri) Wan Azizah (Ismail) di Selangor? MB, Exco, ADUN atau Ahli Majlis?"

"Jika program kerajaan negeri, mengapa mereka berada di atas pentas dan menyampaikan ucapan kerana mereka berdua tiada sangkut-paut dengan pentadbiran negeri Selangor. Mereka hanyalah presiden parti-parti politik," katanya.

Katanya, inilah bukti bahawa para pemimpin pembangkang tidaklah sesuci mana dan jika mereka mempunyai peluang, mereka juga akan menyeleweng.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my